



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**26 April 2017 (Rabu)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |  |    |
|--|----|
| - Kerajaan negeri komited salurkan bantuan naik taraf fasiliti sekolah | 40 |
|--|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**26 APRIL 2017 (RABU)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Kerajaan negeri komited salurkan bantuan naik taraf fasiliti sekolah
Muka Surat	40

## Kerajaan negeri komited salurkan bantuan naik taraf fasiliti sekolah

SH  
m/s 40  
26/4/2017



Nik Nazmi (enam kiri) bersama Ahli Parlimen dan Adun serta para penerima bantuan.

**AMPANG** – Kerajaan Negeri Selangor terus komited memberi bantuan kewangan untuk sekolah di negeri ini melaksanakan kerja-kerja naik taraf infrastruktur demi keselesaan pelajar dan tenaga pengajar.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, bantuan kewangan ini diagihkan berdasarkan keperluan sekolah dengan mengambil kira jumlah pelajar dan keadaan terkini sekolah berkenaan.

"Kita juga akan mengadakan pertemuan dengan semua wakil rakyat untuk mendapat maklum balas mereka tentang permohonan itu sebelum kita membuat keputusan akhir tentang bantuan berkenaan," katanya.

"Kerajaan negeri meningkatkan peruntukan bantuan kewangan itu kepada RM22 juta bagi pemberbaikan sekolah seluruh negeri ini pada tahun ini, berbanding sebelum ini iaitu sebanyak RM16 juta," katanya ketika berucap dalam Program Ramah Mesra bersama penerima bantuan sekolah negeri Selangor fasa 1 2017 (Zon Selatan) di Kajang, semalam.

Menurutnya, bantuan itu akan disalurkan kepada Sekolah Jenis Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Menengah Persendirian Cina dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dan Mualigh.

"Penyerahan sumbangan melibatkan tiga fasa mengikut zon dan Dun seluruh negeri dan sebanyak RM7.2 juta diserahkan kepada 192 sekolah dalam program Bantuan Sekolah Fasa 1 2017 (Zon Selatan).

"Dun Kajang, Sijangkang, Telok Datok, Morib, Tanjung Sepat, Kuang, Sungai Pelik, Dengkil, Sungai Pelek, Rawang, Taman Templer, Batu Caves, Gombak Setia, Hulu Kelang, Bukit Antarabangsa, Lembah Jaya, Chempaka, Teratai, Dusun Tua, Semenyih dan Bangi terlibat dalam program ini," katanya.

Menurutnya, kerajaan negeri yang prihatin bidang pendidikan turut berharap supaya pihak sekolah serta institusi pendidikan dapat memanfaatkan pelbagai program daripada kerajaan negeri selain sumbangan yang diberikan untuk kemudahan para pelajar.